

609:
MAHATHIR-PEMBANGUNAN

1976

JOHOR BAHRU, 28 JUN (BERNAMA)— DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA MALAM INI KERAJAAN AKAN MENGGALAKKAN PENYERTAAN SEKTOR SWASTA BERJUMLAH \$26,600 JUTA UNTUK MEMBANTU USAHA-USAHA PEMBANGUNAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, DI BAWAH RANCANGAN ITU KERAJAAN AKAN MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$18,600 JUTA, IAITU SEKALI GANDA BERBANDING DENGAN PERUNTUKAN DI BAWAH RANCANGAN KEDUA.

INI BERERTI JUMLAH DARI PENYERTAAN SEKTOR SWASTA ITU SANGAT-SANGAT DIPERLUKAN UNTUK MEMBANTU DAN MENAMBAH PERBELANJAAN BAGI SEKTOR AWAM, KATANYA.

BELIAU MENAMBAH, KERAJAAN AKAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK BAGI SEKTOR SWASTA, TERUTAMA BAGI PARA PELABUR, AHLI-AHLI PERNIAGAAN DAN USAHAWAN UNTUK MENANAM MODAL YANG BANYAK DALAM PEMBANGUNAN NEGARA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERUTAP DEMIKIAN DI MAJLIS MAKAN SEMPERA LAWATAN DUA HARI NYA KE NEGERI INI, DI KEDIAMAN MENTERI BESAR DI SINI. LEBIH 2,500 ORANG MENGHADIRI MAJLIS TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 2345/1B

610:
MAHATHIR-PEMBANGUNAN 2 JOHORE BAHRU

KATANYA, DARI JUMLAH \$26,600 JUTA ITU, SEKURANG-KURANGNYA 30 PERATUS ATAU KIRA-KIRA \$7,000 JUTA AKAN DI UNTUKKAN BAGI PENYERTAAN BUMIPUTRA.

BAGAIMANAPUN, TIMBALAN PERDANA MENTERI MERASAKAN KAUM BUMIPUTRA TIDAK BERKEMAMPUAN UNTUK MEMENUHI PERATUS YANG DIUNTUKKAN BAGI MEREKA ITU.

DENGAN ITU, BELIAU MENYERU SEKTOR SWASTA SUPAYA BERSABAR DAN MEMBERIKAN PELUANG KEPADA KERAJAAN UNTUK Mencari JALAN MENGUMPULKAN MODAL YANG DIPERLUKAN BAGI PENYERTAAN BUMIPUTRA.

DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA KAUM BUMIPUTRA BERJIMAT-CERMAT DAN MENGUMPUL MODAL YANG DIPERLUKAN ITU UNTUK MEMASTIKAN KEJAYAAN DASAR 30 PERATUS PENYERTAAN BUMIPUTRA DI BIDANG PERNIAGAAN.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA SEMUA KAUM DI NEGARA INI AKAN SAMASAMA MENIKMATI FAEDAH DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

DR. MAHATHIR YAKIN JIKA PERPADUAN DI KALANGAN BERBAGAI KAUM YANG WUJUD SEKARANG DIPERKUKUHKAN USAHA-USAHA PEMBANGUNAN YANG LEBIH GIGIH DARI PIHAK KERAJAAN AKAN DIPERTUNGGATKAN. -- BERSAMBUNG 2350/1B

611:
MAHATHIR-PEMBANGUNAN 3 JOHOR BAHRU

3303

BELIAU JUGA MENYERU RAKYAT MEMBERIKAN SOKONGAN PENUH KEPADA KERAJAAN DALAM USAHA MENENTANGPENGGANAS KOMUNIS DAN ANASIR-ANASIR ANTI NASIONAL.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA SETIAP USAHA AKAN DIJALANKAN UNTUK MEMBENTERAS KEGIATAN PENGGANAS KOMUNIS DAN APABILA MEREKA TELAH DIHAPUSKAN PERHATIAN SEPENUHNYA AKAN DITUMPUKAN KEPADA PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN.

TERDAHULU DARI ITU, MENTERI BESAR, TAN SRI HAJI OTHMAN SAAD MENYATAKAN SOKONGAN BARISAN NASIONAL NEGERI KEPADA DR. MAHATHIR. --BERNAMA 2353/1B